

05/08/1998

MCA mahu teliti syor Pemuda

reports on "Isu Tanjong Pagar" by Ahmad Fauzi Mustafa; Nasir Hassan TANJUNG PELEPAS, Selasa - Parti MCA akan meneliti semua cadangan Pergerakan Pemuda Umno yang mahu Malaysia menggantungkan urusan dua hala yang baru dengan Singapura sehingga Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong, menyatakan pendirian rasmi kerajaannya berhubung isu yang dihadapi kedua-dua negara sekarang.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata setakat ini, MCA melihat banyak cadangan disuarakan terutama pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Singapura ke Woodlands.

"MCA akan bersama meneliti dan menimbangkan satu persatu seperti yang ditegaskan Pergerakan Pemuda Umno sebelum membuat keputusan muktamad.

"MCA juga bersetuju setiap tindakan dari kompenan Barisan Nasional adalah betul berdasarkan fakta sedia ada," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak pembinaan projek Pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi dipetik sebagai berkata, pendirian Singapura itu hendaklah berdasarkan persetujuan serta persefahaman awal antara Goh dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pertemuan mereka awal tahun ini.

Setakat ini, katanya, Pemuda Umno berpendapat kenyataan Menteri Luar dan Menteri Dalam Negeri Singapura tidak mencerminkan pendirian ikhlas kerajaan republik itu.

Sehubungan itu, Ling berkata, MCA tetap berpegang teguh dan berpendirian tegas bagi membidas setiap tohmahan yang dilemparkan pada kerajaan Malaysia.

(END)